



SEORANG siswi UPM mengajar dua pelajar mengenai salah satu proses sains ketika program Little Scientist di UPM baru-baru ini.



PARA pelajar begitu tertarik apabila didedahkan dengan aktiviti membuat roket air oleh mahasiswa UPM.

**Kampus**

Oleh FARID AHMAD TARMJI

**P**EMBELAJARAN Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merupakan sesuatu yang penting bagi melahirkan ramai tenaga kerja pakar dalam bidang tersebut pada masa hadapan.

Di Malaysia, bidang itu dilihat kurang digemari oleh para pelajar, malah ada kajian yang menunjukkan penurunan ketara jumlah pelajar aliran sains sejak tahun 2015.

Oleh yang demikian, usaha berterusan daripada pelbagai pihak perlu dilakukan dalam usaha memupuk minat pelajar dalam bidang STEM terutamanya ketika zaman persekolahan.

Baru-baru ini, Jabatan Kimia, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengambil pendekatan kreatif untuk mencetuskan minat kanak-kanak dalam mempelajari bidang berkaitan STEM dengan menganjurkan program Little Scientist.

Pengerusi program, Dr. Nadiah Mad Nasir berkata, berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, penganjuran program kali ini menawarkan bengkel praktikal buat para peserta.

Menurutnya, bengkel praktikal itu bertujuan menjadikan pembelajaran lebih menarik, mampu mengaplikasikan

# Jabatan Kimia UPM pupuk minat pelajar dalam STEM



PARA pelajar turut melakukan aktiviti di luar bilik darjah sewaktu program.

dan menyalurkan pembelajaran sains dengan lebih menyeronokkan untuk generasi muda berumur antara 9 hingga 15 tahun.

"Kita juga mengetengahkan dua modul untuk program ini.

"Modul pertama telah mendapat penyertaan daripada 40 peserta dari Sekolah Kebangsaan (Felda) Air Tawar 4, Kota Tinggi, Johor.

"Mereka telah berjaya mempelajari aktiviti membina roket air," katanya.

Tambahnya, penekanan modul itu

adalah untuk memupuk semangat mempelajari subjek Sains.

Para peserta bukan sahaja belajar membina roket air tetapi juga mendalami prinsip saintifik asas di sebalik pelancarannya.

Mengulas lanjut, Nadiah juga menekankan kepentingan menerapkan pemikiran kritis dan kemahiran kerja berpasukan dalam diri peserta.

Menurutnya, bagi modul kedua, program itu disertai seramai 27 orang peserta daripada pelbagai latar belakang.

"Modul ini memberi tumpuan dengan memperkenalkan keajaiban sains forensik, termasuk keunikan cap jari dan cara membaca mesej rahsia menggunakan teori sains.

"Para peserta juga diberi pendedahan dengan melakukan eksperimen amali berkaitan kimia, meneroka konsep seperti tindak balas asid-bes dan proses pengoksidaan," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Program bagi modul dua, Dr. Sazlinda Kamaruzaman menzahirkan ucapan terima kasih atas maklum balas positif daripada peserta dan ibu bapa.

Dia memaklumkan, pihaknya akan terus memberi komitmen untuk meneruskan aktiviti pendidikan itu di dalam komuniti.

"Kejayaan program Little Scientist ini menekankan kepentingan memupuk rasa cinta terhadap sains bermula di peringkat alam persekolahan lagi.

"Dengan menggabungkan inovasi interaktif, bengkel ini bukan sahaja menyampaikan pengetahuan saintifik, malah memupuk kemahiran penting.

"Program ini juga memberi manfaat kepada peserta untuk mempelajari dan mengaplikasikan ilmu sains dalam kehidupan seharian," ulasnya sebelum menutup bicara.

SERAMAI 40 peserta dari Sekolah Kebangsaan (Felda) Air Tawar 4, Kota Tinggi telah menyertai modul pertama Little Scientist.

